

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
24 JULAI 2021	25 MEI 2022	31 MEI 2022

Perlaksanaan “Negara Zikir” di Negara Brunei Darussalam: Satu Keazaman

The Implementation of “Negara Zikir” in Brunei Darussalam: A Determination

Siti Nabilah Karim¹, Hajah Umami Fa'izah Haji Abdul Rahman²

ABSTRAK

Agama Islam mula bertapak di Negara Brunei Darussalam pada kurun masihi ke-13 dan ajarannya dihayati sejak kurun masihi ke-15. Agama Islam disemarakkan dan dikukuhkan lagi dengan gabungan perkataan “Negara Zikir” yang telah ilhamkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di Pertuan, Pada 09 Zulhijjah 1428H bersamaan 19 Disember 2007M. Baginda bertitah menyatakan keazaman untuk menjadikan Brunei Darussalam sebagai sebuah ‘Negara Zikir’ iaitu menuju ke jalan yang diredai oleh Allah Subnahanahu wa Ta'ala, negara yang baik yang disebut dalam Al-Qur'an sebagai Negara Baldatun Tayyibatun Warrabun Ghafur. Artikel ini memfokuskan kepada perbincangan bagaimana pelaksanaan kerajaan Negara Brunei Darussalam bagi mendukung hasrat baginda dari aspek pemerintah, pentadbiran, ekonomi, undang-undang, sosiobudaya dan pendidikan. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan kaedah analisis kandungan daripada sumber-sumber sekunder di samping sumber primer bagi menghuraikan pelaksanaan Negara Zikir dalam setiap aspek. Hasil sorotan mendapati bahawa Kerajaan Negara Brunei Darussalam sememangnya mendukung hasrat baginda dalam membentuk Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir.

Kata Kunci: Negara Zikir, Negara Brunei Darussalam

ABSTRACT

Islam began to established in Brunei Darussalam in the 13th century and its teachings were implemented since the 15th century. Islam was strengthened with the combination of the words "Negara Zikir" which was inspired by His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan and Yang Di Pertuan, on 09 Zulhijjah 1428H equivalent to 19 December 2007M. He said he expressed his determination to make Brunei Darussalam a Negara Zikir', which is to the path that is pleasing to Allah Subnahanahu wa Ta'ala, a good country mentioned in the Qur'an as the Country of Baldatun Tayyibatun Warrabun Ghafur. This paper focuses on the discussion on how the implementation of the government of Brunei Darussalam to support his aspirations in terms of government, administration, economy, law, socio-culture and education. This qualitative study uses the method of content analysis from secondary sources as well as primary sources to describe the implementation of Negara Zikir in every aspect. The

¹ Siti Nabilah Binti Karim, Pelajar Sarjana Sejarah Dan Tamadun Islam, Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, 19mr112@siswa.unissa.edu.bn

² Dr Hajah Umami Fa'izah Haji Abdul Rahman, PHD, Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, faizah.rahman@unissa.edu.bn

results of findings found that the Government of Brunei Darussalam indeed supports his desire in forming a Brunei Darussalam as Negara Zikir.

Keywords: *Negara Zikir, Brunei Darussalam*

PENGENALAN

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui titah baginda sempena Sambutan Hari Raya Aidiladha 1428/2007. Baginda bertitah menyatakan keazaman untuk menjadikan Brunei Darussalam sebuah 'Negara Zikir':

“Brunei adalah negara yang selalu bersama-sama dengan Ar-Rahman (Yang Maha Mengasih), yang sentiasa berhias dengan zikir dan menjadikannya sebagai rutin kebiasaan. Kerana itu Allah pun dengan rahmat-Nya memalingkan kita dari sebarang kesusahan dan bencana dari pelbagai anasir yang boleh merosakkan keamanan..Beta, insya Allah akan terus untuk menjadikan Brunei Darussalam sebuah 'Negara Zikir' yang sentiasa mengagungkan Allah, supaya kita selalu berada dalam perhatian dan pemeliharaan-Nya, sesuai dengan janji-Nya di dalam surah al-Baqarah ayat 152, tafsirnya “Kamu ingati Aku, nescaya Aku akan mengingati kamu pula”.

Melalui titah ini, difahami bahawa baginda sangat menjunjung tinggi syiar-syiar Islam dan ajaran-ajaran supaya Negara Brunei Darussalam sentiasa berada di dalam keredhaan Allah SWT. Cetusan idea dan hasrat baginda ini bertujuan untuk menjadikan masyarakat Negara Brunei Darussalam sebagai masyarakat Islam yang cermelang dalam pelbagai aspek bukan sahaja demi kejayaan di dunia tetapi diakhirat juga. Dalam Artikel akan memfokuskan kepada perbincangan bagaimana pelaksanaan kerajaan Negara Brunei Darussalam dalam mendukung hasrat baginda menjadikan dan membentuk Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir dari aspek pemerintah, pentadbiran, ekonomi, undang-undang, sosiobudaya dan pendidikan

KONSEP NEGARA ZIKIR

Negara Zikir merupakan konsep yang dilhamkan turut merupakan keazaman Kebawah Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di Pertuan, untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah pembangunan negara yang sentiasa berada di dalam keredhaan dan diberkati Allah Subhanahu wa Ta'ala dari aspek kepimpinan, pemerintahan, pentadbiran, politik, undang-undang, keadilan dan kesaksamaan sistem sosial, ekonomi, pendidikan dan sebagainya. Konsep Negara Zikir ini merupakan konsep yang baru namun jika diteliti dan difahami maksud konsep Negara Zikir mempunyai persamaan dengan konsep Negara Islam.

Konsep Negara Zikir dibincangkan dalam kertas kerja Majlis Ilmu 2008. Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz Bin Juned (2008),³ mentakrifkan Negara Zikir sebagai Negara, di mana ramai orang-orang berzikir; negara yang sentiasa meriah dan kaya dengan zikir, negara yang dibangun dan ditadbir dengan zikir; negara, yang dipertahan dan dipelihara dengan zikir . Negara Zikir” adalah negara

³ Beliau merupakan Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

yang berorientasi dan berpaksikan zikir: Siasahnya siasah zikir, ekonominya ekonomi zikir, sosialnya sosial zikir dan pertahannya pertahanan zikir.

Menurut Pengiran Dato Seri Dr. Haji Mohammad Bin Pengiran Abd. Rahman (2008) mendefinisikan Negara Zikir sebagai Negara ialah suatu tempat atau kawasan yang tertentu yang mempunyai garis sempadan yang sah, didiami oleh sekumpulan manusia, mempunyai undang-undang dan mempunyai sebuah kerajaan yang memerintah dan mempunyai kedaulatan. Negara Brunei Darussalam memenuhi kriteria ini. 'Zikir' berasal dari bahasa Arab yang bermakna 'ingat'. Negara Zikir ialah negara yang bertuhan, negara yang rakyat dan penduduknya selalu mengingati Tuhan. Tuhan itu ialah Allah Subhanahu Wa Ta'ala, bukannya Tuhan dalam fahaman agama lain. Jika demikian, maka 'Negara Zikir' itu ialah negara Islam yang berpegang teguh kepada ajaran Islam, mengamalkan dan menghayati dari segi akidah, syariah dan akhlakunya.

Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim (2010) pun menyatakan bahawa Negara Zikir adalah mengarah kepada amal ibadat dan meletakkan zikir sebagai rujukan dan asas kehidupan pratik dalam bernegara, bermasyarakat dan kehidupan peribadi. Umumnya beliau mengatakan bahawa "semua jenis amal ibadat itu ialah zikir". Maksud Negara Zikir itu terus dikembangkan oleh Yang terhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengiran Dato Paduka Haji Othman (2008) dengan mendefinisikan Negara Zikir sebagai sebuah negara di mana penduduknya tidak melupakan Allah dan tidak mengingkari atau kufur terhadap nikmat Allah.

Siti Es Husnina Bujang (2015) turut menyatakan Negara Zikir adalah selari dengan sifat-sifat Negara Islam. Dalam Negara Zikir ini, pemimpin dan rakyatnya sentiasa mengingati Allah Subhanahu wa Ta'ala dengan melaksanakan semua hal kehidupan berlandaskan Al-Qur'an dan Al-Sunnah. Teras utamanya ialah mengiktiraf ke-Esaan Allah, beramal dengan kebaikan dan meninggalkan kemungkaran dan refleksi sifat-sifat ketuhanan untuk meningkatkan sifat-sifat zikir. Menurut Ummi (2011) pula apabila dua perkataan ini digabungkan menjadi sebuah konsep, maksud Negara Zikir itu ialah sebuah negara Islam yang masyarakatnya sentiasa beramal dengan ajaran Islam yang lengkap, ditadbir oleh seorang *'ulil amr*, berusaha untuk melaksanakan undang-undang Islam sepenuhnya, dan tindak tanduk masyarakat tersebut sentiasa menjurus ketaatan kepada Allah s.w.t dan Rasul-Nya.

Oleh itu, konsep Negara Zikir secara kesimpulannya bermaksud pembangunan negara yang meliputi semua aspek tuntutan kehidupan dan tuntutan ukhrawi yang bersumberkan ajaran-ajaran Islam serta mempunyai keseimbangan antara hal duniawi dan ukhrawi dimana rakyatnya mempunyai pendidikan, bidang ekonomi yang berpegang teguh dengan prinsip Islam serta sentiasa dalam keadaan beriman dan bertaqwa dan sentiasa mengingati Allah.

Menurut al-Qardhawi yang dipetik oleh Sigit Ridwan Abdullah (2017), Negara Islam adalah negara yang berlandaskan akidah dan pemikiran. Suatu negara yang ditegakkan berdasarkan akidah dan sistem, bukan hanya sebagai menjamin kesejahteraan masyarakat dari serangan luar mahupun dalam. Bahkan tugas negara tersebut jauh lebih besar dari itu. Tugasnya adalah mendidik masyarakat dengan prinsip dan ajaran Islam serta mempersiapkan setiap individu untuk mengaplikasikan akidah, pemikiran, dan ajaran Islam ke dalam kehidupan harian. Dengan itu, mereka dapat menjadikan ajaran Islam sebagai petunjuk dan pedoman bagi mereka yang menempuh dan menghindari jalan yang sesat.

Hassan Asy-Syarqawi (1992), memberi penjelasan bahawa zikir ialah menghadirkan Allah Subhannahu wa Taala di dalam hati dengan cara pengamatan yang bersungguh-sungguh. Zikir itu sama ada dengan disertai oleh ucapan lisan atau tidak. Iaitu sebagaimana Allah Subhannahu wa Taala mengingati hamba-Nya yang baik dan soleh serta membalas (kebaikannya) itu dengan kebajikan dan memuji di kalangan penduduk langit al-mala' al-a'la (الملا الأعلى).

Secara kesimpulannya Negara Islam dan Negara Zikir memberi maksud yang sama iaitu sentiasa ingat kepada Allah s.w.t dengan berpegang teguh ajaran Islam sebagai pentunjuk dan pedomannya dengan menjuruskan ketaatan dan betaqwa kepada Allah s.w.t dan Rasul-Nya serta mendidik setiap masyarakat dengan prinsip dan ajaran Islam yang lengkap meliputi setiap aspek tuntutan kehidupan dan tuntutan ukhrawi untuk mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian.

METODOLOGI

Kajian yang dikemukakan adalah berbentuk kualitatif. Jenis atau teknik kajian yang menjadi komponen dalam reka bentuk kualitatif ini ialah kajian perpustakaan bagi mendapatkan data dan bukti ke atas kajian melalui dokumen dan rekod. Dalam kajian perpustakaan ini akan menggunakan kaedah analisis kandungan daripada sumber-sumber sekunder di samping sumber primer bagi menghuraikan pelaksanaan Negara Zikir dalam setiap aspek. Bahan-bahan yang diperolehi penyelidik adalah seperti buku-buku ilmiah, jurnal, majalah, kertas-kertas seminar, akhbar dan lain-lain. Sumber Buku-buku tersebut ialah Makalah Seminar Negara Zikir Majlis Ilmu 2008, Ensiklopedia Negara Zikir dan Dasar dan Strategi Pembangunan Negara Zikir.

PERBINCANGAN

Pengiktirafan Agama Islam Sebagai Agama Rasmi

Agama Islam sebenarnya sudah lama bertapak di Negara Brunei Darussalam sejak pada kurun masihi ke-13. Pada tahun 1363 Masihi, selepas pengislaman Sultan Awang Alak Betatar agama Islam dijadikan sebagai agama rasmi. Kemudian pada tahun 1959, pelaksanaan Negara Zikir semakin ketara dilihat dengan memperlembagakan dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959 bahagian (II) Bab 3 cerai (1) mengiktiraf Islam sebagai agama rasmi di Negara Brunei Darussalam di samping memberi kebebasan kepada agama lain untuk diamalkan secara aman (Mahyuddin et al, 2015):

“Ugama rasmi bagi Negara Brunei Darussalam adalah Ugama Islam. Tetapi ugama-ugama lain boleh diamalkan dengan aman dan sempurna oleh mereka yang mengamalkannya”

Pemimpinan bersistemkan politik Islam

Negara Brunei Darussalam merupakan negara yang mendaulatkan syiar-syiar Islam. Menurut Muhammed Sahrin (2015), kedudukan agama Islam bukan sahaja dirasmikan sebagai agama rasmi namun diperkukuhkan kedudukan prinsip-prinsip agama Islam dengan mengaplikasikannya dalam sistem politik dan pentadbiran supaya sesuai dan selaras dengan syariat-syariat Islam melalui Titah Pemasyhuran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari 1984, iaitu:

“.. Negara Brunei Darussalam adalah dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu wa Ta’ala akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah Negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan ajaran-ajaran Ugama Islam menurut Ahli Sunnah Waljama’ah dengan berasaskan keadilan dan amanah dan kebebasan..”

Kandungan dalam isi titah pemasyhuran tersebut merangkumi nilai-nilai Islam seperti mendaulatkan syariat Islam, menunaikan amanah dan tanggungjawab, mentaati pemimpin dalam rangka ketaatan kepada Allah dan Rasul-Nya, mewujudkan dasar syura dan mempertahankan keadilan dan jaminan perlindungan hidup rakyat. (Mohammed Sahrin, 2015). Jika diperhatikan petikan titah tersebut menunjukkan sistem politik dan pemerintahan di Negara Brunei Darussalam bersumberkan dengan al-Qur’an dan sunnah. Dengan itu, sistem pemerintahan dan politik di Negara Brunei Darussalam menunjukkan penyelarasan dengan imej Negara Zikir lebih awal sebelum diilhamkan oleh Baginda Seri Paduka Sultan.

Pentadbiran

Keazaman menuju ke arah Negara Zikir hendaklah menjadikan Negara yang menjunjung tinggi syariat Islam seperti menghindari daripada perkara yang diharamkan dan mungkar seperti minuman arak dan lain-lain. Pengharaman terhadap minuman keras bagi Negara Brunei Darussalam juga berlaku secara berperingkat. Peringkat pertama, pengharaman daripada Syarikat Penerbangan Diraja Brunei Airlines (*Royal Brunei Airlines*, RBA) yang tidak lagi menghidangkan arak dalam sebarang penerbangannya, berkuat kuasa pada 20 Rabiulakhir 1409 bersamaan dengan 30 November 1988. Peringkat kedua, pengharaman daripada kelab-kelab Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang berkuat kuasa mulai 9 Muharram 1411 bersamaan dengan 31 Julai 1990. Peringkat terakhir, pengharaman secara total iaitu menegah kemasukan arak ke Brunei yang berkuat kuasa mulai 14 Jamadilawal 1411 bersamaan dengan 1 Disember 1991. Semua permit untuk kemasukan segala jenis arak yang dikeluarkan sebelum tarikh tersebut adalah dibatalkan dengan serta-merta. Sementara itu, arak yang sudah dimasukkan atau dibuat dalam Negara ini adalah dimansuhkan pada 15 Jamadilakhir 1411 bersamaan dengan 1 Januari 1991 (Abdul Aziz, 1992). Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam mengambil langkah yang bijaksana dengan mengisytiharkan pengharaman arak.

Langkah seterusnya, pentadbiran Negara Brunei Darussalam juga diselaraskan supaya sentiasa memenuhi prinsip-prinsip Islam. Maka pada 17 Zulhijjah 1433 bersamaan 2 November 2012 adalah tarikh berkuatkuasanya arahan penutupan sementara bagi semua premis perniagaan dan pejabat, pusat-pusat hiburan, rekreasi, dan sukan. Penutupan ini juga termasuk bagi semua pawagam dan padang permainan, gerai atau tamu, pasar dan gedung-gedung perniagaan di bawah kawalan hari Jumaat yang bermula daripada jam 12:00 tengah hari hingga jam 2:00 petang (Rasinah, 2016).

Dalam usaha memastikan kawalan produk permakanan di Negara Brunei Darussalam dijamin kehalalannya, maka pada 26 Mei 2017 Perintah Sijil Halal dan Label Halal (Pindaan) dikuatkuasakan. Dengan perintah ini, pemilik perniagaan berkaitan dengan makanan diwajibkan memohon sijil halal dan permit halal. Pindaan ini dikuatkuasakan bagi meningkatkan kawalan produk makanan di premis-premis makanan dijamin halal kerana memenuhi piawaian Islam sekaligus meningkatkan keyakinan kalangan masyarakat terhadap produk-produk makanan di Negara Brunei Darussalam (Media Permata, 2018).

Pelbagai langkah-langkah dalam pentadbiran Negara Brunei Darussalam untuk sentiasa berpegang dengan ajaran agama Islam dilaksanakan sebagai contoh pengharaman minuman arak. Perlaksanaan Negara Zikir dalam aspek pentadbiran Negara Brunei Darussalam terus menerus dipertingkatkan agar sesuai dengan tuntutan agama Islam dan mencapai redha Allah S.W.T agar Negara Brunei Darussalam sentiasa dalam rahmat-Nya.

Ekonomi

Ekonomi Negara Zikir hendaklah terikat dengan akidah, syariah dan Moral dimana dilarang ke atas pemilik harta melakukan kerugian terhadap harta orang lain atau kepentingan masyarakat seperti melakukan penipuan *gharar*, perjudian dan lain. Ekonomi tersebut hendaklah mempunyai keseimbangan diantara dunia dan akhirat secara holistik serta keseimbangan antara kepentingan individu dengan kepentingan umum. Justeru itu, Amalan zakat pula merupakan amalan wajib dalam ekonomi Islam yang tidak terdapat pada bidang ekonomi yang lain (Mursal, 2015).

Dalam memastikan ekonomi Negara Brunei Darussalam terus terikat dengan prinsip Islam, pada 29 September 1991 Bank Islam yang pertama ditubuhkan iaitu Tabung Amanah Islam Beraja (TAIB) yang telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Kemudian pada 13 Januari 1993, Bank Islam ke-dua turut ditubuhkan iaitu Bank Islam Brunei Darussalam. Operasi insuran secara Islam yang dinamakan Takaful dijalankan serta dikendalikan oleh kedua-dua yayasan. Amalan riba juga dihapuskan dalam skim pinjaman wang untuk mendirikan rumah. Dengan penubuhan bank-bank Islam dan insuran Islam dapat mewujudkan bidang ekonomi yang selaras dengan tuntutan Islam (Abdul Aziz, 1992) & (Md Zain Bin Haji Serudin, 1998).

Dalam meningkat bidang ekonomi di Negara Brunei Darussalam dan terkawal rapi, projek kerajaan jenama 'Brunei Halal' turut diungkayahkan oleh Kementerian Sumber-sumber Utama dan Pelancongan dengan kerjasama Majlis Ugama Islam Brunei dan Kementerian Hal Ehwal Ugama serta Kementerian Kesihatan. Jenama Brunei Halal merupakan kerjasama dengan Kerry FSDA dalam membentuk sebuah syarikat bernama *Ghanim International Food Corporation SDN Bhd* berpusat di Hong Kong. Hubungan yang erat antara integriti piawaian Brunei Halal dengan kepakaran Kerry FSDA Ltd dalam menghasilkan produk, pemasaran dan pengedaran, membolehkan Brunei Darussalam memasarkan suatu produk halal dengan cekap dan berkesan ke pasaran secara serantau dan negara-negara Pantai Teluk, Eropah dan Amerika Syarikat. Jenama Brunei Halal ini dapat menunaikan kewajipan fardu kifayah dalam Islam dengan memberi jaminan produk-produk yang dikeluarkan tersebut telah melalui pemeriksaan keselamatan dan piawaian yang terbaik serta diuji untuk memudahlan pembekalan produk halal dengan menyediakan produk bermutu tinggi dalam pasaran halal secara global. Projek ini dapat membantu menubuhkan perusahaan tempatan dan meningkatkan penubuhan bidang ekonomi yang halal dan terkawal rapi sesuai dengan imej Negara Zikir (Nor Surilawana, 2019).

Dalam aspek ekonomi di Negara Brunei Darussalam, dapat dilihat pelbagai usaha daripada kerajaan Negara Brunei Darussalam untuk memastikan setiap transaksi dalam bidang ekonomi sentiasa berpegang teguh dengan prinsip Islam. Namun bukan sahaja itu, bidang ekonomi juga terus-menerus dipertingkatkan dengan membekal produk-produk jenama tempatan yang selaras dengan hukum syarak dalam muamalah. Di samping itu dapat memberi peluang kepada penduduk tempatan untuk mempromosikan produk mereka di peringkat antarabangsa.

Undang-undang

Menurut Haji Awang Abdul Aziz Bin Juned (2017) undang-undang adalah alat untuk memperoleh keadilan. Ianya juga luhur di sisi Allah dan penting terhadap manusia. Keadilan itu merupakan matlamat penting dalam undang-undang, lebih-lebih lagi undang-undang Allah (Takzir, Hudud dan Qisas) yang berpandukan prinsip-prinsip Islam. Berlainan dengan undang-undang ciptaan manusia (undang-undang sivil) kerana ia wujud atas dasar keperluan semasa manakala dalam undang-undang Allah adalah jaminan seratus peratus keadilan sehinggakan Allah Subhannahu Wa Ta'ala memberi peringatan dalam firman-Nya surah An-Nisa ayat 58:

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا﴾

(surah An-Nissa: 58)

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat(58)”

Sistem perundangan di Negara Brunei Darussalam pada permulaan tidak jelas ketika zaman pemerintahan Sultan Muhammad Shah kerana hanya meliputi aspek kehidupan masyarakat sahaja yang berkaitan dengan halal haram dan hukum nikah sahaja. Namun sistem perundangan dan kehakiman semakin jelas ketika zaman pemerintahan Sultan Muhammad Hassan dengan memperkenalkan Hukum Kanun Brunei yang meliputi bidang yang luas termasuk jenayah, muamalah, keluarga, undang-undang pentadbiran, pemerintahan dan sebagainya. Perundangan ini digunakan pakai sehinggalah kedatangan kuasa Inggeris pada tahun 1847 Masihi dan setelah pentadbiran Residen British pada tahun 1906. Kedatangan kuasa Inggeris telah menghakiskan Hukum Kanun Brunei yang berasaskan Hukum syarak. Walaupun kedatangan British telah mengubah corak perundangan di Negara Brunei Darussalam namun atas kebijaksanaan pemerintah negara ini telah selepas mencapai kemerdekaan pada tahun 1984 sultan-sultan yang memerintah Negara Brunei Darussalam telah berusaha mengekalkan dan memartabatkan undang-undang Islam (Abdul Mohaimin, 2019).

Selepas Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan tidak secara langsung mengembalikan sistem undang-undang Islam namun Negara Brunei Darussalam menggunakan undang-undang bertulis dibawah pengaruh pada zaman British undang-undang Sivil kerana dalam sivil mempunyai unsur-unsur ta'zir. Jenayah Takzir berbeza dengan jenayah Hudud dan Qisas. Jenayah hudud dan qisas hukuman-hukumannya ditentukan dalam al-Qur'an dan Hadits. Sementara Takzir tidak disentuh di dalam al-Qur'an dan Hadith, ianya terserah kepada hakim untuk menentukan bentuk hukuman dan kadarnya mengikut kesesuaiannya jenayah yang dilakukan. (Abdul Aziz, 2017)

Namun usaha untuk memartabatkan undang-undang Islam tidak terhenti kerana pada tahun 2011, Kebawah Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkuah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di Pertuan telah bertitah ketika merasmikan Seminar Antarabangsa Perundangan Islam 2011, agar Akta Undang-Undang Jenayah Syarak diwujudkan dan dilaksanakan serta mendapat perhatian yang serius dan segera. Dengan izin Allah S.W.T Negara Brunei Darussalam melakar sejarah besar apabila

mengazetkan Akta Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah yang berkuat kuasa enam bulan selepasnya secara berfasa secara rasmi pada 22hb Oktober 2013 dalam perasmian Majlis Ilmu 2013 (Pelita Brunei, 2013).

Walaupun terjadi campur tangan Inggeris dalam sistem perundangan Negara Brunei Darussalam, namun Negara Brunei Darussalam masih mampu menjaga undang-undang syarak. Ini menunjukkan kekentalan Negara Brunei Darussalam dalam terus-menerus untuk menjaga sistem perundangan yang berasaskan hukum syariah dan hukum Allah S.W.T. Usaha untuk mewujudkan sistem perundangan di Negara Brunei Darussalam bercorakkan Islam semakin ketara dengan mewartakan Akta Perintah Hukum Jenayah Syariah 2013. Walaupun wujudnya tentangan dari luar namun tidak mampu untuk melunturkan semangat cinta kepada agama Islam. Disamping itu dengan adanya akta tersebut, sedikit sebanyak mampu menghalang pengaruh-pengaruh anasir negatif untuk bertapak di bumi Negara Brunei Darussalam.

Sosiobudaya

Sosiobudaya merupakan gaya kehidupan serta adat yang diamalkan dalam kalangan masyarakat Negara Brunei Darussalam. Sebelum perkembangan agama Islam meluas, pada mulanya masyarakat Negara Brunei Darussalam mengamalkan budaya-budaya yang bercanggahan dengan ajaran agama Islam sebagai contoh kepercayaan anisme, khurafat dan budaya Hindu-Budha. Namun kepercayaan dan budaya ini berjaya dihakis dan dicabut akar umbinya setelah datangnya agama Islam di Negara Brunei Darussalam secara meluas bahkan ianya memberi impak yang positif dalam amalan budaya masyarakat Negara Brunei Darussalam.

Menurut Jamil al-Sufri (2016) setelah agama Islam mula masuk dan tersebar luas di Negara Brunei Darussalam dan secara rasmi dianut oleh rakyat dan penduduk secara majoriti, maka adat yang lazim digunakan oleh masyarakat sebelum Islam adalah dirujuk kepada hukum-hukum Islam. Adat-adat yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam terus dipakai, dan sebaliknya yang bertentangan terus dibuang dan tidak digunakan lagi. Turut disokong oleh Aziz Yussof (2014), amalan-amalan khurafat seperti mandi Safar, memuja busut, kubur-kubur keramat dan sebagainya dapat di bendung dan diminimakan supaya sentiasa berpandukan sumber al-Qur'an dan Sunnah.

Adat yang masih kekal dan kukuh sejak dari dahulu lagi adalah adat setia kepada raja. Dengan kedatangan agama Islam adat ini semakin kukuh dan bersesuaian dengan firman Allah S.W.T dalam surah An-Nisa ayat 59:

﴿يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا﴾

“Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Qur'an) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya”

(An-Nisa: 59)

Perintah Allah S.W.T dalam ayat yang tersebut di atas iaitu untuk mentaati pemimpin atau raja ini telah dijadikan sebagai amalan dan adat dalam kalangan masyarakat Negara Brunei Darussalam dari sejak dulu lagi. Pengamalan dan penghayatan Islam sebagai cara hidup bukan sahaja sebagai tanggungjawab setiap individu namun sekaligus sebagai budaya negara dan pemerintah negara. kegiatan-kegiatan keagamaan juga terus disemarakkan dengan mewujudkan perayaan hari-hari kebesaran Islam sebagai cuti awam dan melakukan kegiatan keagamaan seperti sembahyang berjemaah sempena awal tahun baru Hijrah, melakukan sembahyang sunat hajat, mengadakan sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam, Israk Mikraj, Nuzul Al-Qur'an dan majlis khatam Al-Qur'an. Majlis-majlis berbentuk kenegaraan seperti sambutan hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Sri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sambutan Hari Kemerdekaan, Hari Perkhidmatan Awam, Hari Guru dan sambutan lain-lain disambut dengan acara Solat Hajat secara berjemaah, membaca Surah Yassin dan tahli beramai-ramai di seluruh Masjid. Program Negara Zikir juga giat dilaksanakan salah satu daripada program tersebut ialah Program Halaqah Zikir Masjid Omar 'Ali Saifuddien (MOAS) yang diadakan sekali pada minggu pertama setiap bulan di Masjid Omar Ali Saifuddien sesuai dengan identitinya sebagai "*Raudah al-Zikr*" (Ahmad Effendi, 2017) & (Pelita Brunei, 2013).

Ajaran Islam juga terus mempengaruhi budaya masyarakat Negara Brunei Darussalam sehingga segala amalan dan tindakan seharian masyarakat Negara Brunei Darussalam sentiasa bersesuaian dengan tuntutan agama Islam. Antara cara kehidupan yang membudayakan cara kehidupan sesuai dengan imej Negara Zikir ialah seperti majlis-majlis sempena pindah ke rumah baru, mendapat pekerjaan, melanjutkan pelajaran, menunaikan fardhu haji, sembuh dari penyakit, selamat daripada kemalangan, sambutan hari kelahiran dan sebagainya disambut dengan kenduri doa selamat dan kesyukuran di rumah-rumah persendirian. Pengasingan tempat duduk antara lelaki dengan perempuan dalam acara-acara rasmi seperti sambutan Maulud Nabi, Sambutan Hari Guru, Hari Perkhidmatan Awam dan acara-acara tidak rasmi seperti majlis perkahwinan. Budaya pengasingan tempat duduk tersebut juga menjadi amalan budaya di Institusi Pegajian Tinggi Islam di Negara Brunei Darussalam ketika menghadiri kuliah-kuliah atau majlis-majlis (Abdul Aziz, 2014).

Dalam budaya pakaian di Negara Brunei Darussalam juga bersesuaian dengan imej Negara Zikir. Dalam buku "*Social Customs and Courtesy Of Brunei Darussalam*" memberi penjelasan pakaian tradisional bagi masyarakat Negara Brunei Darussalam bagi golongan perempuan dinamakan 'Baju Kurung'. Pakaian tersebut selaras dengan tuntutan Islam kerana ianya menutup seluruh anggota badan sehingga pergelangan tangan dan buku lali. Adat dalam pakaian masyarakat Negara Brunei Darussalam hendaklah tidak menjolok mata dan tidak janggal kerana ianya akan dipandang sebagai seseorang yang tidak tahu adat dan kurang sopan. Menurut Abdul Aziz (2014), berpakaian menutup aurat sudah menjadi budaya masyarakat Negara Brunei Darussalam. Bilangan mereka yang menutup aurat adalah lebih ramai berbanding dengan yang tidak menutup aurat contohnya di pejabat-pejabat kerajaan dan swasta, di majlis rasmi dan tidak rasmi, di tempat-tempat awam semasa melakukan aktiviti harian seperti membeli belah, riadah dan lain-lain. Pakaian menutup aurat juga diwajibkan kepada semua pelajar di sekolah-sekolah kerajaan sama ada pelajar berkenaan beragama Islam atau tidak.

Perkembangan semangat keagamaan juga dilakukan dengan budaya memakmurkan masjid-masjid di Negara Brunei Darussalam. Banyak masjid didirikan dan dibangunkan oleh kerajaan Negara Brunei Darussalam menunjukkan kesungguhan untuk menyebarkan ajaran Islam. Masjid merupakan satu intitusi yang ulung dalam Islam kerana ia merupakan pusat

ibadah, pusat muamalah, pusat penyebaran Islam, pusat pemerintahan, gedung ilmu pengetahuan, khazamah hikmat, pusat pembentuk akhlak dan pusat dimana dapat mendatangkan manfaat kepada masyarakat Islam. Dengan itu, peranan masjid bukan sahaja tempat untuk beribadah namun sebagai intitusi yang dapat mendorong untuk membentuk minda dan mengubah karakter masyarakat untuk menjadi insan yang lebih baik. Dengan kewujudan masjid ini telah menjadi syiar Islam dan memberi semangat spiritual kepada masyarakat Islam di Negara Brunei Darussalam, di samping juga memberi kesan yang baik bagi keharmonian dan keselamatan Negara Brunei Darussalam (Ahmad Effendi, 2017). Bahkan tabung khas pembinaan masjid juga disediakan bagi masyarakat untuk menderma bagi pembinaan masjid di Negara Brunei Darussalam.

Aspek sosiobudaya masyarakat Negara Brunei Darussalam dalam kepercayaan dipengaruhi oleh kepercayaan khurafat sudah dihakis sejak penyebaran agama Islam. Malah dalam budaya majlis sambutan rasmi atau tidak rasmi disambut dengan zikir dan sebutan membesarkan nama-nama Allah S.W.T. Bukan itu saja, berbagai budaya amalan seharian masyarakat Negara Brunei Darussalam seperti budaya pakaian dan penjarakkan kedudukan antara golongan perempuan dan lelaki juga memenuhi tuntutan agama Islam.

Pendidikan

Ciri-ciri Pendidikan Islam adalah merupakan ciri-ciri pendidikan Negara Zikir. Maka pendidikan dalam konteks Negara Zikir yang dimaksudkan adalah pendidikan Islam yang membina dan membangun masyarakat bagi mencapai kesempurnaan hidup di dunia dan di akhirat (Siti Sara, 2015).

Pendidikan agama Islam boleh disalurkan melalui pendidikan secara formal ataupun non-formal. Dalam pendidikan formal, pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam diterapkan menerusi sistem persekolahan agama selama 7 tahun bermula daripada kelas pra sehingga tahun 6. Asas utama dalam penerapan pendidikan Islam ini terbahagi kepada tiga iaitu aqidah, syariah dan akhlak. Asas ini merupakan sebagai landasan menuju ke arah pembentukan kesempurnaan insan bagi mencapai keredhaan Allah di dunia dan akhirat. Peringkat awal pendidikan ini dapat mengukuhkan aqidah pelajar serta memberi bimbingan dan melatih pelajar untuk mengamalkan dan menghayati fardhu Ain. Matlamat pendidikan Islam adalah memastikan pelajar-pelajar berkebolehan dan sudah terbiasa dengan menunaikan ibadah solat fardhu dengan sempurna, bimbingan bersuci dari hadas dan najis serta dan menguasai bacaan al-Qur'an dengan baik (Pg Haji Bahrom, 2014).

Bagi mengukuhkan lagi pendidikan agama Islam di Negara Brunei Darussalam, Perintah Pendidikan Agama Wajib 2012 mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2013 yang mana telah mewajibkan bagi setiap kanak-kanak Islam yang berumur tujuh tahun ke atas sehingga umur 15 tahun yang tinggal di negara ini untuk didaftarkan dalam pendidikan agama prasekolah dan sekolah rendah. Oleh itu, ibu-bapa telah pun memastikan anak-anak mereka didaftarkan di sekolah-sekolah (Media Permata, 2018).

Seterusnya pendidikan Islam diperkukuhkan lagi dengan pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah rendah, menengah, pra universiti, teknikal dan vokasional di bawah kawalan Kementerian Pendidikan. Kesenambungan pendidikan Islam juga diteruskan di peringkat pengajian tinggi. Mercu kegemilangan Pendidikan Islam di negara ini dapat dilihat melalui penubuhan sekolah-sekolah agama, sekolah Arab, Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan

Haji Hassanal Bolkia, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dan Universiti Sultan Sharif Ali (Pg Haji Bahrom, 2014).

Aspek pendidikan di Negara Brunei Darussalam turut dititik beratkan dengan membekal ilmu-ilmu pengetahuan pada setiap individu dari peringkat kanak-kanak sehingga ke peringkat dewasa. Dengan adanya pendidikan Islam ianya mampu memantapkan Negara Zikir kerana pendidikan agama Islam mampu mendorong seseorang sentiasa melakukan kebaikan sesuai dengan firman Allah:

﴿أَتْلُ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ﴾

“Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari Al-Qur’an, dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar; dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya); dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan”

(Al-Ankabut: 45)

Perlaksanaan Negara Zikir dalam menangani penularan covid-19

Pada 9 Mac 2020 lalu, kes pertama covid-19 telah disahkan positif di Negara Brunei Darussalam. Sejak itu, statistik penularan covid-19 semakin meningkat sehinggakan Kerajaan Negara Brunei Darussalam mengeluarkan perintah penjarakkan sosial dikuatkuasakan serta penutupan Masjid, Surau, Balai, sekolah-sekolah, pusat pengajian tinggi, taman permainan, restaurant dan lain-lain juga turut diperintahkan untuk ditutup sementara bagi menangani penularan COVID-19. Dengan susulan COVID-19, antara inisiatif kerajaan dalam langkah menghindarinya dengan membaca zikir-zikir dan doa-doa memohon pertolongan kepada Allah supaya terselamat daripada bala dan segala jenis penyakit terutama COVID-19 disiarkan pada setiap hari sebelum azan melalui saluran Televisyen dan radio Negara Brunei Darussalam.

Pada tiap-tiap bulan Ramadhan, sembahyang Sunat Tarawih berjemaah secara lazimnya dilaksanakan dengan pimpinan imam di balai-balai ibadat, surau-surau dan masjid-masjid. Namun penularan wabak tidak menghalang masyarakat Negara Brunei Darussalam untuk menunaikan sembahyang Sunat Tarawih kerana diadakan di rumah sahaja memandangkan kesemua balai-balai ibadat ditutup sementara bagi mengawal penularan jangkitan wabak COVID-19 di negara ini selaras dengan kehendak peraturan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan. Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Pusat Dakwah Islam telah mengedarkan secara percuma buku panduan Solat Tarawih dan Witr serta surah-surah, wirid-wirid dan doa berbentuk PDF melalui aplikasi Whatsapp bagi memudahkan orang awam mengikutinya. Begitu juga, Jabatan Percetakan Kerajaan menjual buku panduan Solat Tarawih dan Witr dengan harga yang berpatutan (Pelita Brunei, 2020).

Perkara ini juga disentuh oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkia Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Titah Perutusan sempena Menyambut Bulan Ramadan Tahun 1441 Hijrah / 2020 Masihi Antara petikan Titah baginda seperti berikut *“Sangat perlu diingat, bahawa COVID-19 tidak seharusnya mengganggu umat Islam untuk melakukan ibadat puasa. COVID-19 adalah satu*

perkara, sedang ibadat puasa pula satu perkara lain. Jika kita dalam keadaan sihat 'afiat, maka tidak ada sebab untuk menjadikan COVID-19 sebagai penghalang kita berpuasa, Selepas Ramadan kita akan memasuki bulan Syawal pula, untuk menyambut Hari Raya. Biasanya Hari Raya kita sambut dengan penuh kemeriahan, tetapi ketentuan Allah telah menjadikannya berbeza pada tahun ini. Sembahyang Hari Raya akan terpaksa ditiadakan, dan begitu juga tradisi kunjung mengunjungi turut ditegah untuk mengelakkan sebarang risiko COVID-19. Kita wajar bersabar menghadapi situasi ini, dengan menganggap, bahawa apa yang berlaku itu mempunyai hikmah di sisi Allah. Walau bagaimanapun, di samping bersabar, kita juga dituntut untuk berusaha dengan apa jua cara, seperti mengambil langkah-langkah pencegahan dan seumpamanya.”

Dapat disimpulkan disini, masyarakat Negara Brunei Darussalam sentiasa berpegang teguh dan kembali kepada Allah S.W.T untuk meminta perlindungan daripada wabak-wabak penyakit seperti pandemik wabak COVID-19 sebagai pelaksanaan sebuah Negara Zikir. Semangat keagamaan masyarakat Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir juga tidak terhalang semasa penularan wabak penyakit tersebut untuk beribadah ketika masjid dan surau diarahkan untuk tutup. Walaupun penjarakkan sosial dikuatkuasakan yang menghalang untuk membuat aktiviti namun ianya masih tidak menghalang masyarakat Negara Brunei Darussalam untuk membuat aktiviti-aktiviti tersebut. Kegiatan agama masih terus giat dilaksanakan, ini menunjukkan Negara Brunei Darussalam sentiasa bersangka baik dengan tentuan Allah S.W.T dalam semua hal serta keazaman dan hasrat baginda untuk membentuk Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir dapat dilaksanakan dengan pegangan teguh masyarakat Negara Brunei Darussalam kepada ajaran Islam .

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, pelaksanaan Negara Zikir ini bukan hanya bermula selepas keazaman Kebawah Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di Pertuan, untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir. Namun titik permulaan pelaksanaannya adalah sejak penerimaan agama pembesar negara yang pertama iaitu Sultan Muhammad Shah. Dengan adanya konsep Negara Zikir diilhamkan oleh baginda, pelaksanaan Negara Zikir itu semakin disemarakkan dalam setiap aspek pembangunan negara iaitu dalam aspek pegangan dengan mengiktirafkan agama Islam sebagai agama rasmi dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959, aspek pemerintahan bercorakkan gaya pemimpinan bersistemkan politik Islam, aspek pentadbiran berprinsipkan Islam, aspek ekonomi yang memenuhi hukum syarak, aspek undang-undang dengan memartabatkan undang-undang Allah SWT dengan mengazetkan Perintah Hukum Jenayah Syariah 2013, aspek sosiobudaya dengan mengamalkan cara kehidupan dan budaya yang sesuai dengan imej Negara Zikir, aspek pendidikan dengan menerapkan Pendidikan Islam daripada peringkat kecil hingga dewasa. Setiap aspek Negara Brunei Darussalam dalam suasana menuju ke arah keredhaan dan diberkati Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

RUJUKAN

Al-Qur'an Al-Karim

Buku

- Haji Awang Abdul Aziz Juned, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia. 1992. *Islam Di Brunei, Zaman Pemerintahan KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Hj Hassanah Bolkuah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yg Dipertuan Negara Brunei Darussalam*. Jil:1. Brunei Darussalam: Jawatankuasa Kerja Penerbitan Buku-Buku Islam.
- Haji Awang Abdul Aziz Juned, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia. 2017. *Raja Melakar Sejarah*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri
- Ahmad Effendi. 2017. *Falsafah Melayu Islam Beraja hubungannya dengan Modeniti*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa Dan Pustaka Brunei
- Hassan Asy-Syarqawi. 1992. *Mu'jam Alfazh Ash-Shufiyyah*. Kaherah: Mu'assasah Mukhtar li al-Nasyr wa al-Tauzi.
- Mahayuddin Haji Yahaya, et al. 2015. *Ensiklopedia Negara Zikir*. Negara Brunei Darussalam: Universiti Sultan Sharif Ali.
- Md Zain Haji Serudin. 1998. *Melayu Islam Beraja Suatu Pendekatan*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rasinah Haji Ahimn (Hjh). 2016. *Peranan Raja Dalam Menegakkan Syiar Islam di Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: UNISSA Press.
- Siti Es Husnina Bujang. 2015. *Towards an Islamic State: An Analysis Of Negara Zikir (Zikir Nation) Concept in Brunei Darussalam*. Universiti Sains Malaysia: Pulau Pinang.
- Social Customs And Courtesies Of Brunei Darussalam. (2009). Bandar Seri Begawan: Jabatan Penerangan.

Bab dalam buku

- Abdul Aziz Yussof. (2014). Pendidikan Islam Di Negara Brunei Darussalam Paksi Kemantapan Umah. Dalam Haji Mohd Salleh Lebar (Pen). *Pendidikan Islam Memantapkan Negara Zikir*. Bandar Seri Begawan: KUPUSB.
- Pg Haji Bahrom Bin Pg Haji Bahar. (2014). Pendidikan Islam Memantapkan Negara Zikir. Dalam Haji Mohd Salleh Lebar (Pen). *Pendidikan Islam Memantapkan Negara Zikir*. Bandar Seri Begawan: KUPUSB.
- Muhammed Sahrin Haji Masri. (2015). Strategi Politik Dan Pentadbiran Negara Zikir. Dalam Siti Sara Ahmad & Syukri Salleh (Pen). *Dasar Dan Strategi Pembangunan Negara Zikir*. Negara Brunei Darussalam: UNISSA Press.
- Siti Sara Haji Ahmad. (2015). Strategi Pendidikan Negara Zikir. Dalam Siti Sara Ahmad & Syukri Salleh (Pen). *Dasar Dan Strategi Pembangunan Negara Zikir*. Negara Brunei Darussalam: UNISSA Press.
- Haji Awang Yahya Bin Haji Ibrahim, Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz. 2010. Bagaimanakah Mendekatkan Diri Kepada Zikir Dari Segi Praktik. Dalam *Negara Zikir: Azam, Keperluan dan Perlaksanaan, himpunan kertas kerja Seminar Negara Zikir, Majlis Ilmu 2008*. Negara Brunei Darussalam: Jabatan Perdana Menteri.

Seminar

- Haji Awang Abdul Aziz Juned, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia. 2008. Negara Zikir. Menghayati Negara Zikir. Seminar Majlis Ilmu 2008. Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, 28-29 Julai 2008.
- Haji Awang Badaruddin Othman, Yang terhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia. 2008. Negara Zikir: Memahami Keperluan Wujudnya Dan Menyuburkan ciri cirinya. Menghayati Negara Zikir. Seminar Majlis Ilmu 2008. Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, 28-29 Julai 2008.
- Pg Haji Mohammad Pg Haji Abd Rahman, Dato Seri. 2008. Merealisisikan Negara Zikir Melalui Pendidikan. Menghayati Negara Zikir. Seminar Majlis Ilmu 2008. Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas. 28-29 Julai 2008.

Jurnal

- Abdul Mohaimin Haji Noordin Ayus. (2019). Penyatuan Syariah Dan Undang-Undang Ke Arah Penyempurnaan Negara Zikir. *Ar-Ra'iq*. 2 (1), 1-47, hlm 11-13.
- Mursal. (2015). Implementasi Prinsip-Prinsip Ekonomi Syariah: Alternatif Mewujudkan Kesejahteraan Berkeadilan. *Jurnal Perspektif Ekonomi Darussalam*,1(1), 75-84. [Online]: <http://jurnal.unsyiah.ac.id/JPED/article/view/6521>.
- Nor Surilawana Binti Haji Sulaiman. (2019). Inisiatif Pihak Kepentingan Dalam Pembangunan Industri Halal Di Brunei Darussalam. *Beriga*. 123, 55-73.
- Sigit Ridwan Abdullah. (2017). Tujuan Negara Dalam Islam Menurut Yusuf Al-Qaradhawi. *Asy-Syari'ah*, 19(1), 17-36. [Online]:https://journal.uinsgd.ac.id/index.php/asy_yariah/article/view/4134

Tesis

- Dyg Hjh Umami Fa'izah Hj Abdul Rahman. (2011). Konsep Negara Zikir & Pendekatannya di Negara Brunei Darussalam: Persepsi Kakitangan Pusat Dakwah Islamiah. Tesis Sarjana Pengajian Islam UKM.

Akhbar

- MOAS adakan program 'Halaqah Zikir'. (2013, Mei 8) Pelita Brunei, hlm 8.
- Merealisisikan gagasan sebuah Negara Zikir. (2018, 23 Februari). Media Permata. [Online]: <https://mobile.mediapermata.com.bn/merealisisikan-gagasan-sebuah-negara-zikir/>
- Peluang beribadah bersama keluarga. (2020, 26 April). Pelita Brunei. [Online]: <http://www.pelitabrunei.gov.bn/Lists/Berita%202018/NewDisplayForm.aspx?ID=26415>
- Jangan jadikan COVID-19 sebagai penghalang berpuasa. (2020, 24 April). Pelita Brunei. [Online]:<http://pelitabrunei.gov.bn/Lists/Berita%202018/NewDisplayForm.aspx?ID=26395>
- Akta Perintah Kanun Jenayah Syariah Sya'riah Mula Digazetkan 22 Oktober 2013. (2013, 23 Oktober). Pelita Brunei, hlm 1.
- Mengungguli Undang-Undang Syariah. (2013, 23 Oktober). Pelita Brunei, hlm 12.